LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat penting mengenai Hire Purchase-i (Fixed Rate) Reducing Balance.
Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh : [AppLetterGenDate]

1 Apakah Hire Purchase-i (Fixed Rate) Reducing Balance?

Hire Purchase-i (Fixed Rate) Reducing Balance ("Kemudahan") adalah pembiayaan yang membenarkan anda untuk menyewa kenderaan ("Kenderaan") daripada Bank dan membeli serta mengambil hak ke atas Kenderaan tersebut selepas penyelesaian bayaran sewa yang terakhir. Kemudahan ini menggunakan konsep AL- IJARAH THUMMA AL-BAI' (AITAB) (sewa beli).

Konsep Shariah yang diguna pakai adalah:

- **IJARAH**: Dikenali juga sebagai pajakan/sewa. Anda menyewa Kenderaan daripada Bank pada ansuran bulanan yang dipersetujui dalam satu tempoh tertentu ("Tempoh Sewa").
- **WAKALAH**: Pihak Bank akan melantik anda sebagai ejen Bank untuk tujuan penyelenggaraan Kenderaan semasa Tempoh Sewa.
- **BAI'**: Bermaksud penjualan di mana apabila tamat Tempoh Sewa/penyelesaian awal/pembayaran awal, anda akan menandatangani kontrak untuk membeli Kenderaan daripada Bank pada harga yang dipersetujui. Dalam hal ini, anda dianggap memiliki pilihan untuk membeli Kenderaan tersebut sekiranya anda telah membayar deposit kepada Bank. Dalam Tempoh Sewa, pemilikan Kenderaan adalah kepunyaan Bank. Setelah penyelesaian keseluruhan bayaran sewa, Perjanjian Jualan akan dilaksanakan untuk memindahkan pemilikan Kenderaan daripada Bank kepada anda.

2 Fahami Kewajipan Anda

Jumlah Pembiayaan Kenderaan	: **RM** _____	
Jumlah Caj Sewa	: **RM** _____	
Margin Pembiayaan	: _____ **%**	(sehingga 90% harga belian)
HP Reducing Term Takaful (HPRTT)	: **RM** _____	HPRTT
Jumlah (Pembiayaan Kenderaan & HPRTT)	: **RM** _____	Pembiayaan Kenderaan & HPRTT
Kadar Keuntungan Efektif (EPR)	: _____ **%**	(sehingga 17% setahun untuk tempoh pembayaran sehingga 5 tahun dan 16% setahun untuk tempoh pembayaran lebih dari 5 tahun)
Tempoh Pembayaran	: _____ **tahun**	(sehingga 9 tahun)
Tempoh ansuran bulanan	: _____**Bulan**	
Jumlah bayaran ansuran pertama	: **RM** _____	
Jumlah bayaran ansuran bulanan	: **RM** _____	
Satu (1) bayaran ansuran terakhir	: **RM** _____	

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Perjanjian Kemudahan	: RM 10.00 bagi duti setem / perjanjian
Variasi Perjanjian Kemudahan	: RM 10.00 bagi duti setem / perjanjian
Bayaran Pos	: • RM 3.50 bagi akaun tanpa penjamin • RM 7.00 bagi akaun dengan 1 penjamin • RM 10.50 bagi akaun dengan 2 penjamin

Permintaan untuk mendapatkan semula dan salinan dokumen:

• Penyata Tambahan berkaitan dengan Kemudahan	: • RM 10.00 bagi permohonan melalui kaunter bank • RM 3.00 bagi permohonan melalui e-mel
• Permintaan untuk salinan dokumen Kemudahan	: • RM 10.00 bagi permohonan melalui kaunter bank • RM 5.00 bagi permohonan melalui e-mel
Salinan Perjanjian Kemudahan	: RM 25.00 bagi setiap permohonan

Bagi mengelakkan keraguan, anda hendaklah menanggung semua yuran profesional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa), perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan yuran, perbelanjaan atau perlindungan lain berkenaan dengan Kemudahan ini.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatanganinya.



Membayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya, sepanjang **[Tempoh]** tahun. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Hubungi kami dengan segera, jika anda mengadapi kesukaran untuk membayar ansuran bulanan anda.

3 Fahami Risiko Anda

A. Apa yang berlaku jika anda gagal memenuhi kewajipan-kewajipan anda?

(a) Anda bertanggungjawab untuk membayar pampasan (Ta'widh) kepada pihak Bank seperti berikut:

1) Sebelum tarikh matang Kemudahan ini, sehingga satu peratus (1%) setahun:
   i. ke atas jumlah tertunggak dalam kes kemungkiran ke atas pembayaran berjadual; atau
   ii. ke atas baki pembiayaan Kemudahan ini yang masih belum dijelaskan kerana kemungkiran yang menyebabkan Kemudahan ini ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tempoh tamat Kemudahan ini
2) Selepas tempoh Kemudahan tersebut atau selepas penghakiman diperolehi (yang mana terdahulu), pada kadar untuk setahun tidak melebihi kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam (IIMM), Bank Negara Malaysia (BNM):
   i. ke atas jumlah baki tertunggak bagi Kemudahan ini yang dikira pada asas harian; atau
3) apa-apa kaedah lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Shariah BNM; dan
4) jumlah pampasan (Ta'widh) itu tidak boleh dikompaun

(b)
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda tidak memberikan respon kepada notis peringatan.
- Kenderaan anda boleh ditarik balik dan anda terpaksa membayar segala kos yang terpakai.
- Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas Kenderaan anda dijual.
- Tindakan undang-undang terhadap anda akan mempengaruhi penilaian kredit anda yang menyebabkan kredit yang lebih sukar atau mahal kepada anda.

(c) Sekiranya anda gagal menunaikan kewajipan untuk menjelaskan ansuran bulanan atau melanggar terma dan syarat lain yang dinyatakan dalam Perjanjian Kemudahan, Bank berhak untuk mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi mengurangkan kerugian.

(d) Hak untuk tolak selesai: Pihak Bank berhak menolak selesai sebarang amaun tertunggak dalam akaun Kemudahan ini dari mana-mana akaun deposit yang dimiliki oleh anda dengan pihak Bank, di mana pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar lebih awal.

4 Terma-terma Lain

- Lawati RHB Online Banking untuk dapatkan e-penyata Kemudahan anda dan membuat pembayaran secara dalam talian.
- Hadir ke mana-mana cawangan RHB seluruh Malaysia bagi perkhidmatan pengurangan prinsipal (transaksi di kaunter/OTC sahaja)
- Takaful Motor adalah **wajib** - perlindungan menyeluruh terhadap risiko kebakaran, kemalangan, kecurian, dalam peristiwa force majeure seperti bencana alam (banjir, taufan, ribut, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, dll.) dan risiko lain yang diperlukan oleh pihak Bank.
- Hire Purchase Reducing Term Takaful (HPRTT) adalah pilihan - perlindungan bagi risiko kematian atau kecacatan kekal sepenuhnya
- Guaranteed Asset Protection (GAP) adalah pilihan - perlindungan bagi risiko kerugian menyeluruh atau kecurian Kenderaan
- Perlindungan Takaful adalah penting bagi memastikan penawaran produk ini patuh Shariah secara sepenuhnya. Walaubagaimanapun, pihak Bank berhak untuk menuntut apa-apa amaun yang perlu dibayar walaupun anda memilih insurans konvensional
- Sekiranya anda memilih untuk menggunakan Insurans Motor konvensional, sebahagian daripada bayaran deposit anda akan dikira sebagai pembayaran bagi kos premium insurans.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan anda, anda boleh:

Hubungi kami:
03-9206 8118

Layari laman sesawang:
https://www.rhbgroup.com/others/contact-us/index.html

Email kami di:
custserv.autofinop@rhbgroup.com

Imbas Kod QR

Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah bermula dari 27-11-2026